



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TRADESMAN TINGKAT KHAS (D.3 EB.4)
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TRADESMAN TINGKAT KHAS
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
D.3 EB.4 (\$900- \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC/BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang *Carpentry and Joinery / Engineering (Mechanical) / Vehicle Body Engineering* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Keutamaan adalah bagi calon **Lelaki**.
3. Mempunyai lesen memandu Kelas 3 / 5 /11 yang sah (tidak mansuh).
4. Berkebolehan mengenali alat-alat ganti kenderaan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai dan mengawasi pekerja-pekerja di bawah jagaan dalam mengendalikan kerja-kerja pemeliharaan dan membaiki kerosakan-kerosakan yang terdapat pada mesin-mesin rumput, jentera-jentera kenderaan dan kerja-kerja pertukangan kayu untuk Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan;
2. Bertanggungjawab terus kepada Ketua Seksyen Bengkel serta mengikut arahan Pegawai atasan dari semasa ke semasa;
3. Membantu dan berkerjasama dengan Fomen Bengkel bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berhubungkait dengan kerja-kerja Bengkel;



4. Bertanggungjawab untuk melaporkan pengesahan alat ganti yang diperlukan, membuat pengeluaran alat ganti atau membuat permohonan pembelian alat ganti, mengesahkan penggunaan alat ganti dan mengesahkan penghapusan alat ganti yang rosak;
5. Memastikan penyimpanan perkakas-perkakas yang digunakan oleh tukang kayu, tukang kimpal dan mekanik di dalam keadaan yang baik dan selamat serta menyediakan dan mengemaskinikan data-data perkakas tersebut untuk rujukan;
6. Menyediakan dan mengemaskinikan data-data kerosakkan, pembaikpulihan, pembelian, penyimpanan barang-barang bagi kegunaan pemeliharaan dan penghapusan alat ganti yang rosak untuk dilaporkan kepada Ketua Unit untuk setiap bulan;
7. Memastikan pekerja-pekerja di bawah jagaan mematuhi langkah-langkah keselamatan di tempat kerja; dan
8. Menerima serta melaksanakan arahan dari Ketua Bahagian, Ketua Unit, Timbalan Pengerusi Lembaga Bandaran dan Pengerusi Lembaga Bandaran dari semasa ke semasa.